- 5.1 Tn. Hj. Jamalulkhair Bin Mohd Rashid telah membentangkan agenda 5 iaitu menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit KPFB dan KPFB Bersepadu Sdn. Bhd. yang berakhir 30 Jun 2023 bersama dengan laporan Juruaudit sebagaimana di Buku Laporan Tahunan 2023 muka surat 59 sehingga muka surat 147 untuk sebagaimana di dalam buku laporan anggota bagi mendapatkan kelulusan daripada perwakilan.
- 5.2 Anggota Perwakilan En. Ulami bin Yahya wakil dari KPR FELCRA Gual Dalam Berhad, ingin mencadangkan agenda ini diterima dengan sedikit penjelasan berkaitan pelarasan bukan koperasi merujuk buku laporan muka surat 73 sebanyak **RM1,272,321.00** dan juga terdapat nota penyata kewangan muka surat 105 nota 39 lain-lain pendapatan sebanyak **RM282,141**, beliau memohon pihak pengurusan dan Juruaudit Luar dapat memberikan penjelasan.

JAWAPAN PIHAK PENGURUSAN

- 5.2.1 Pengurus Besar KPFB memaklumkan bagi pelarasan bukan operasi, untuk makluman perwakilan, KPFB menjalankan aktiviti pengangkutan BTS di Sarawak, Jemoreng. Pada asasnya pembayaran perlu dibuat oleh pihak Kawasan yang melakukan aktiviti pengangkutan tersebut tetapi dalam isu ini nilai pengangkutan yang sepatutnya dibayar oleh pihak Kawasan

telah di tolak didalam invois semasa FELCRA Berhad untuk aktiviti penjualan beli buah sawit (BTS) dan bukannya aktiviti pengangkutan, Sehubungan itu, bagi pelarasan ini akan dikontra semula pada akaun untung rugi bagi tahun 2024/23. Manakala bagi penjelasan lain-lain pendapatan sebanyak **RM282,141** adalah berhubung pendapatan hibah akaun semasa dan penyelarasan yang telah terlebih cadang peruntukan bonus pada tahun lepas telah diambilkira sebagai pendapatan tahun 2023.

- 5.3 Anggota Perwakilan En. Ulami bin Yahya wakil dari KPR FELCRA Gual Dalam Berhad, mohon pihak pengurusan memberi sedikit penjelasan bagaimanakah kaedah penyelarasan dan pembayaran daripada **RM150,000.00** tidak melebihi 10% keuntungan maksima yang dibuat oleh pihak pengurusan yang berdasarkan daripada GP22 bagi pembayaran Honorarium kepada Anggota Lembaga Pengarah, dengan cara bagaimanakah kaedah pengiraan dan pemberian peruntukan Honorarium kepada ALK, sedangkan pada tahun 2022 bagi pendapatan KPFB ketika itu hanya **RM900,000.00** dan tidak stabil berlakunya kemerosotan bagi pencapaian keuntungan KPFB. Hasil penemuan yang di dapati adalah sama bagi tahun sebelumnya, perbandingan ini dirujuk daripada buku laporan tahunan pada 2022 - 2023 .

JAWAPAN PIHAK PENGURUSAN

- 5.3.1 Pengurus Besar memaklumkan berkaitan pembayaran Honorarium pihak pengurusan telah mencadangkan peruntukan kepada SKM untuk pembayaran Honorarium bagi anggota lembaga koperasi sebanyak **RM150,000.00** tidak melebihi had keuntungan maksimum daripada 10% yang disyaratkan kerana berdasarkan hasil keuntungan bersih. Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah pun memberi kelulusan sebahagian untuk membayar Honorarium bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi yang jumlahnya, dimana hanya diperolehi **RM75,000.00** bagi bayaran tersebut. Walaubagaimana pun dalam akaun telah ditolak, dan baki yang masih tidak digunakan akan masuk semula sebagai pendapatan kepada koperasi untuk tahun berikutnya.
- 5.4 En. Syed Saripuzeen Bin Syed Adam wakil dari KPR FELCRA Gugusan Darat Datok Kemaman Bhd, menyokong dengan ingin memberi pandangan berdasarkan margin keuntungan secara keseluruhan koperasi urusniaga bernilai adalah sangat tinggi nilainya bagi projek yang diperolehi, tetapi beliau mendapati mengapakah margin keuntungan tidak boleh mencapai keuntungan lebih kepada 10%. Mohon pihak KPFB memberi penjelasan. Beliau juga menegaskan terdapat nilai urusniaga yang tinggi daripada akitviti-aktiviti perniagaan KPFB tetapi margin keuntungan KPFB bagi pendapatan tersebut hanya memperolehi 0.97%.

JAWAPAN PIHAK PENGURUSAN

- 5.4.1 Pengurus Besar memaklumkan hasil aktiviti perniagaan KPFB adalah pembelian buah sawit mengikut nilai urusniaga keseluruhan semua Bahagian dan nilai urusniaga yang terbesar di Bahagian Pemasaran. Penilaian urusniaga yang besar di Bahagian Pemasaran adalah kerana pihak KPFB menawarkan kadar harga yang tetap dengan kadar perahan tetap yang perlu dibayar kepada **FELCRA Berhad**. Ini menjadikan nilai urusniaga hampir **RM550 juta**. Ini memberikan keuntungan yang lebih kepada peserta FELCRA. Manakala lebih daripada hasil

keuntungan tersebut diantara **RM10 – RM15 per/metrik tan** telah diagihkan kepada KPR melalui usahasama **70/30**, walaupun nilai yang diperolehi lebih rendah tidak sampai 2% daripada nilai urusniaga tetapi kita memperoleh lebih daripada pembayaran dalam bentuk tunai **“hard cash”**. Manakala bagi aktiviti Bahagian Pertanian, Teknikal dan Pembangunan Perniagaan margin keuntungan adalah 8 -10% margin. Yang paling penting **nilai keuntungan bersih “bottom line”** menunjukkan keuntungan yang mampu membayar dividen kepada KPR.

- 5.5 Anggota Perwakilan Tn. Hj. Zainal Bin Mohd Yusof wakil dari KPR FELCRA Bertam Malim Bhd., mencadangkan agar menimbang laporan-laporan Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam KPFB Tahun 2022-2023 diterima dan disokong oleh En. Bachiran Bin Mohd Agus wakil dari KPR FELCRA Darat Batu Bhd., serta keputusan ini diterima sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

AGENDA : 6

MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KPFB

Pengerusi KPFB Dato' Hj. Sabari Bin Misran, menyerahkan tanggungjawab bagi mempengerusikan pemilihan ini kepada Tn. Hj Abu Bakar Bin Rose, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Anggota Lembaga KPFB bagi pihak mewakili Anggota Lembaga.

- 6.1 Anggota Lembaga Koperasi yang gugur mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Kali Ke-41 adalah seperti di berikut

6.1.1	Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim	:	Kedah
6.1.2	En. Hassan Bin Sarkon	:	Johor
6.1.3	En. Shamsuri Bin Ibrahim	:	Kelantan
6.1.4	Tn. Hj. Mohamad Salleh Bin Mohamad	:	Pulau Pinang
6.1.5	Tn. Hj. Zakaria Bin Mohamad	:	Terengganu

Kesemua calon telah melalui proses penentusah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi perlantikan anggota lembaga KPFB dibawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993

- 6.2 Terdapat 7 calon yang menawarkan diri untuk bertanding bagi menduduki 5 kerusi Anggota Lembaga KPFB yang dikosongkan.

- 6.3 Bagi pemilihan ALK negeri Kedah terdapat 2 orang calon sahaja yang dikemukakan iaitu :-

- i. Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim (KPR FELCRA Kubang Palas Bhd)
- ii. Tn. Hj. Alimen Bin Ahmad (KPR FELCRA Kubang Kenyeng Bhd)

Setelah undian dijalankan, keputusannya seperti berikut:-

- | | | |
|-----|---|------------|
| i. | Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim (KPR FELCRA Kubang Palas Bhd) | 13/20 undi |
| ii. | Tn. Hj. Alimen Bin Ahmad (KPR FELCRA Kubang Kenyeng Bhd) | 7/20 undi |

6.4 Dengan ini diisytiharkan bahawa **Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim (KPR FELCRA Kubang Palas Bhd)** dipilih sebagai Anggota Lembaga Negeri Kedah.

6.5 Bagi pencalonan Negeri Johor terdapat hanya **1** pencalonan yang dikemukakan dan menang tanpa bertanding adalah seperti yang berikut :-

i. **En. Hassan Bin Sarkon (KPR FELCRA Paloh Bhd)**

6.6 Pemilihan Anggota Lembaga bagi Kelantan pula terdapat **2** pencalonan yang dikemukakan iaitu:-

i. **En. Md Radzi Bin Wahab (KPR Gemang Jaya Jeli Bhd)**

ii. **Tn. Hj. Mad Rosip Bin Awang (KPR FELCRA Bukit Tandak Bhd)**

Setelah undian dijalankan, keputusannya seperti berikut:-

i. **En. Md Radzi Bin Wahab (KPR FELCRA Gemang Jaya Jeli Bhd)** 12/15 undi

ii. **Tn. Hj. Md Rosip Bin Awang (KPR FELCRA Bukit Tandak Bhd)** 3/15 undi

Dengan ini diisytiharkan bahawa **En. Md Radzi Bin Wahab (KPR Gemang Jaya Jeli Bhd)** dipilih sebagai Anggota Lembaga Negeri Kelantan

6.7 Bagi pencalonan Negeri Pulau Pinang terdapat hanya **1** pencalonan yang dikemukakan dan menang tanpa bertanding adalah seperti yang berikut :-

i. **Tn. Hj. Mohamad Salleh Bin Mohamad (KPR FELCRA Gug. Tasek Kacang Puri Bhd)**

6.8 Bagi pencalonan Negeri Terengganu terdapat hanya **1** pencalonan yang dikemukakan dan menang tanpa bertanding adalah seperti yang berikut :-

i. **Tn. Hj. Zakaria Bin Mohamad (KPR FELCRA Bukit Kapah Bhd)**

6.9 Pengerusi mengucapkan tahniah kepada semua Anggota Lembaga yang berjaya menyandang jawatan Anggota Lembaga KPFB 2024 - 2025 dan Pengerusi berharap semua Anggota Lembaga yang tidak berjaya dapat memberikan kerjasama dan sokongan kepada KPR dan KPFB.

6.10 Anggota perwakilan En Mohd Isariman Bin Mohd Isa wakil dari KPR FELCRA Gugusan Kg. Jemuru Bhd., mencadangkan seramai **5** Anggota Lembaga KPFB yang dipilih, diterima dan disokong oleh En Mohd Azhari Bin Manaf wakil dari KPR FELCRA Kawasan Ulu Jenut Kuala Krau, Temerloh Bhd.

6.11 Dengan perubahan yang berlaku, maka kedudukan Anggota Lembaga KPFB bagi sesi 2024 - 2025 adalah seperti berikut:-

1.	Dato' Hj. Sabari Bin Misran	-	Wakil Selangor
2.	Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim	-	Wakil Kedah
3.	Tn. Hj. Abu Bakar Bin Rose	-	Wakil Perak
4.	YB Dato' Rodzuan Bin Zaaba	-	Wakil Pahang
5.	En. Jumat Bin Mat Lani	-	Wakil Melaka
6.	En. Hassan Bin Sarkon	-	Wakil Johor
7.	Tn. Hj. Ahmad Bin Suboh	-	Wakil Perlis
8.	Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd Rashid	-	Wakil Pahang
9.	Tn. Hj. Mohamad Salleh Bin Mohamad	-	Wakil Pulau Pinang
10.	Tn. Hj. Jais Bin Samingan	-	Wakil Johor
11.	Tn. Hj. Zakaria Bin Mohamad	-	Wakil Terengganu
12.	Tn. Hj. Gali @ Nawi Bin Hj. Som	-	Wakil Sarawak
13.	Tn. Hj. Rosli Bin Mat	-	Wakil Perak
14.	En. Norlion Bin Paidi	-	Wakil Negeri Sembilan
15.	En. Md Radzi Bin Wahab	-	Wakil Kelantan

Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 7

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BAJET TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2024 – 2025.

7.1 Cadangan Bajet Tahunan Bagi Tahun Kewangan 2024/2025 telah dibentangkan oleh Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd Rashid, Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga. Bajet Tahunan sebagaimana di muka surat 181 buku Laporan Tahunan 2023 serta pada buku berwarna hijau muda dan kertas berwarna ungu muda seperti berikut:-

Bajet 2024-2025		RM
Anggaran Pendapatan	=	20,549,510.00
Insentif & Lain-lain Kos	= (-)	5,590,800.00
Anggaran Perbelanjaan	= (-)	11,168,774.00
Keuntungan Sebelum Cukai	=	3,789,936.00

7.2 Anggota Perwakilan. Tn. Hj Alias Bin Surif wakil dari KPR FELCRA Kawasan Pogoh Segamat Bhd., mencadangkan Bajet Tahunan Bagi Tahun Kewangan 2024/2025 diterima dan telah disokong oleh En Yusof Bin Jalil wakil dari KPR FELCRA Keledang Sayong Kuala Kangsar Bhd. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 8

MELULUSKAN ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA

8.1. Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd Rashid selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 41-08/2023 buku berwarna hijau muda dan kertas berwarna peach berhubung dengan Meluluskan Elaun Kepada Anggota Lembaga Dan Saraan Kepada Anggota Lembaga Bagi Tahun Kewangan 2024 - 2025.

8.2 Keseluruhan elaun kepada anggota Lembaga bagi tahun 2024/2025 adalah seperti berikut:-

		RM
Elaun Pemantauan	=	212,400
Tuntutan Perjalanan Anggota Lembaga	=	288,740
Latihan & Seminar	=	15,000
Perlindungan Insurans	=	<u>252,000</u>
Jumlah Keseluruhan	=	<u>768,140</u>

8.3 Setelah dibuat penelitian anggota perwakilan sebulat suara bersetuju meluluskan Elaun Kepada Anggota Lembaga Dan Saraan Kepada Anggota Lembaga yang berjumlah **RM555,740.00** untuk tuntutan perjalanan, penginapan, elaun mesyuarat, kursus dan perlindungan insurans setahun serta elaun pemantauan berjumlah **RM212,400.00** yang menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak **RM 768,140.00 bagi tahun 2024 – 2025** sebagaimana yang dicadangkan oleh Tn. Hj. Alias Bin Surif wakil dari KPR FELCRA Kawasan Pogoh Segamat Bhd., dan disokong oleh En Yusof Bin Jalil wakil dari KPR FELCRA Keledang Sayong Kuala Kangsar Bhd. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 9

MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARI DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

9.1 Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd Rashid selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 41-09/2023 sebagaimana buku berwarna hijau muda dan kertas berwarna kuning muda. Bendahari memohon mandat dari pihak perwakilan, memberi kuasa kepada anggota lembaga melantik juruaudit luar KPFB bagi tujuan Meluluskan Pelantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Tidak Kurang Dari Dua (2) Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi bagi tahun 2024-2025

9.2 Setelah dibuat penelitian, En Syed Saripuzeen Bin Syed Adam wakil dari KPR FELCRA Darat Datok Kemaman Bhd., mencadangkan agenda tersebut diterima dan cadangan ini disokong oleh Tn. Hj. Mohd Zamnuri Bin Abidin wakil dari KPR FELCRA Kawasan Kg. Kandang Perak Bhd. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 10

MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI

- 10.1 Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd Rashid selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 41-10/2023 buku berwarna hijau muda dan kertas berwarna oren bagi tujuan Menimbang Dan Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Daripada Wang Berlebihan Koperasi bagi tahun 2024-2025.
- 10.2 Anggota Perwakilan Tn. Hj Ab Hamid Bin Taib, wakil dari KPR FELCRA Gugusan Tumbi Rapat Bhd., mencadangkan agar cadangan had pelaburan **RM100 juta** bagi tahun 2024 - 2025 diluluskan dan cadangan tersebut disokong oleh Tn. Hj. Bajuri Bin Jori wakil dari KPR FELCRA Bukit Changgang Bhd. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 11

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

- 11.1 Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd. Rashid selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 41-11/2023 buku berwarna hijau muda dan kertas berwarna merah bagi tujuan Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi bagi tahun 2024 – 2025.
- 11.2 Setelah dibuat penelitian, semua anggota perwakilan bersetuju sebulat suara menerima cadangan agar mengekalkan had pinjaman luar sebanyak **RM100 juta** dan En. Syed Saripuzeen Bin Syed Adam wakil dari KPR FELCRA Gug. Darat Datok Kemaman Bhd., mencadangkan agar diterima oleh semua anggota perwakilan dan disokong oleh En. Jamali Bin Samingan wakil dari KPR FELCRA Saliran Sg. Kesang Muar Bhd. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 12

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

- 12.1 Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd. Rashid selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga bagi tujuan Menimbang dan Meluluskan Pembahagian Keuntungan Koperasi bagi akaun teraudit KPFB berakhir 30 Jun 2023 sebagaimana dalam buku laporan tahunan 2023 di muka surat 73 Buku Laporan Tahunan 2023 seperti berikut:-

	2023 RM	2022 RM
Keuntungan bersih tahun kewangan semasa	2,960,263	1,572,950
Tambah: Pelarasan tahun lepas		
	-----	-----
	2,960,263	1,572,950
Tolak: Pembahagian Berkanun		
Kumpulan Wang Rizab Statutori 12% (2022:8%)	(355,232)	(125,837)
Kumpulan Wang Amanah:-		
Pendidikan Koperasi 2% (2022:2%)	(59,205)	(31,459)
Pembangunan Koperasi 1% (2022:1%)	(29,603)	(15,730)
	-----	-----
	(444,040)	(173,026)
Keuntungan selepas pembahagian berkanun	2,516,223	1,339,924
Tolak: Pembahagian Dicadangkan		
Cukai Pendapatan		
-tahun semasa	(216,000)	-
-terkurang catat pada tahun lepas		(120,621)
Cukai tertunda		
-tahun semasa	-	174,394
Zakat perniagaan		
-tahun semasa	(120,000)	(72,632)
-terlebih catat pada tahun lepas		12,352
Tolak: Lain-Lain Pembahagian		
Dividen atas Modal Syer Anggota dicadangkan 6% (2022:5%)	(704,703)	(573,753)
Honorarium Anggota Lembaga	(150,000)	(150,000)
Kumpulan Wang Penebusan	(78,648)	(78,648)
Tabung Persaraan Kakitangan	(500,000)	(78,648)
	-----	-----
Baki keuntungan/(kerugian) selepas pembahagian	746,872	512,368
Pelarasan bukan Operasi	(1,272,321)	203,450
	-----	-----
	(525,449)	715,818
Keuntungan terkumpul pada awal tahun	3,914,979	3,199,161
	-----	-----
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun	3,389,530	3,914,979

- 12.2 Pengerusi mencadangkan pengisytiharan dividen pada tahun 2023 daripada 6% kepada 8% iaitu tambahan sebanyak 2% menjadikan **RM939,604.00**.
- 12.3. Anggota Perwakilan Tn. Hj. Sauliman Bin Mohidin wakil dari KPR FELCRA Sungai Kelambu Bhd., mencadangkan agar agenda tersebut diterima oleh semua anggota perwakilan dan disokong oleh En. Zainal Bin Mukri wakil dari KPR FELCRA Sri Wangi Bhd. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 13

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA USUL ATAU URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI YANG TELAH DIBERIKAN

- 13.1 Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim selaku Setiausaha ALK KPFB bagi pihak Anggota Lembaga mengemukakan usul Lembaga sebagaimana kertas Bil. MA.41-13/2023 di dalam buku berwarna hijau muda dan kertas berwarna biru muda.
- 13.2 Usul-usul dijawab secara bertulis sebagaimana berikut:-
- 13.2.1 USUL DARIPADA KPR FELCRA GUGUSAN KG WA DUNGUN BERHAD
- i. Mencadangkan pemberian insentif BTS KPR wajar dinaikkan. Contoh **RM15 per/metrik tan**
 - ii. Mencadangkan pemberian syer berdasarkan peratusan saham. Contoh setiap saham KPR yang lebih **RM50 ribu** diberi 5% saham. KPR yang lebih **RM100 ribu** diberikan antara 6-10% dividen. Tujuan untuk menggalakkan KPR menambah saham dengan KPFB.

JAWAPAN

- i. Pada masa kini, kadar insentif adalah bersesuaian. Pihak kilang tidak mampu untuk menaikkan insentif buat masa ini.
- ii. Seksyen 64 UUK, pengisytiharan pembayaran dividen mengikut tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia daripada modal syer KPR.

13.2.2 USUL DARIPADA KPR FELCRA KUBANG PALAS KEDAH BERHAD

- i. KPFB terus membantu KPR memberi kerja-kerja SUB KPFB kepada KPR-KPR ahli.
- ii. Mencadangkan KPFB melibatkan diri dalam bidang stesen minyak.

JAWAPAN

- i. Dasar KPFB memberikan keutamaan mengagihkan projek-projek kepada KPR-KPR yang mempunyai kemampuan menjayakan pelaksanaan projek.

- ii. Pada masa ini KPFB telah menumpukan kepada projek pembangunan ladang dan hartanah yang mana memerlukan modal yang besar. Bidang stesen minyak akan dibuat kajian oleh ALK terlebih dahulu.

13.2.3 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN BAYAI BERHAD

- i. Syer Anggota minima **RM50,000.00** dari sediada.
- ii. Kelayakan untuk menjadi ALK Negeri mestilah dari Koperasi yang mempunyai syer **RM50,000.00** di KPFB.

JAWAPAN

- i. Peruntukan UUK Seksyen 16, modal syer minima hanya **RM10,000.00**.
- ii. Seksyen 34 UUK, kelayakan menjadi ALK negeri mestilah anggota Lembaga KPR yang telah memenuhi peruntukan UUK Seksyen 16

13.2.4 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN SG MALAU SELAMA PERAK BERHAD

- i. Memohon untuk kenaikan dividen.

JAWAPAN

- i. Pengisytiharan dividen adalah berdasarkan kepada pencapaian dan keuntungan tahunan.

13.2.5 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA LEKIR BERHAD

- i. Pihak KPFB hendaklah memberi laluan kepada KPR setempat untuk projek di kawasan operasi KPR yang bernilai **RM300,000.00** ke bawah.

JAWAPAN

- i. KPFB mengalu-alukan KPR yang mempunyai kemampuan diberikan projek yang boleh memberikan manfaat bersama.

13.2.6 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA BELIMBING TOLAK KEDAH BERHAD

- i. Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Belimbing Tolak Kedah berharap projek diagihkan kepada Koperasi mengikut negeri dan daerah.

JAWAPAN

- i. KPFB mengalu-alukan KPR yang mempunyai kemampuan diberikan projek yang boleh memberikan manfaat bersama.

13.2.7 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN KEPIS BERHAD

- i. Koperasi memohon peluang-peluang kerja di FELCRA Kawasan jikalau KPFB dapat mesti ada kerjasama dengan KPR kawasan.
- ii. Koperasi memohon dividen KPFB melebihi 10% ke atas jikalau ada keuntungan.

JAWAPAN

- i. KPFB mengalu-alukan KPR yang mempunyai kemampuan diberikan projek yang boleh memberikan manfaat bersama.
- ii. Pengisytiharan dividen adalah berdasarkan kepada pencapaian dan keuntungan tahunan.

13.2.8 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA KAWASAN BOHOR BHARU BERA BERHAD

- i. Mencadangkan Mesyuarat Agung Tahunan KPFB ini diadakan awal dalam tahun semasa. Ini disebabkan musim hujan dan banjir.
- ii. Mencadangkan dividen KPFB di bayar awal, contohnya dalam bulan Jun/Julai pada tahun semasa.
- iii. Mencadangkan mana-mana koperasi yang saham melebihi **RM300 juta**, perwakilannya lebih daripada dua (02) orang.

JAWAPAN

- i. Keperluan mengadakan mesyuarat agung tahunan sebagaimana Seksyen UUK 25 dinyatakan tempoh mengadakan mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut Seksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya. UUK 65, tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Julai dan berakhir pada tiga puluh haribulan Jun setiap tahun.
- ii. Pembayaran dividen setelah mendapat kelulusan daripada mesyuarat agung dan pihak pengurusan akan mengatur pembayaran kepada anggota mengikut jangkamasa berdasarkan kepada kedudukan kewangan.
- iii. Peruntukan UUK 24A (1) bilangan perwakilan yang boleh mewakili sesuatu anggota hendaklah dua orang. Anggota yang mempunyai wakil mereka sebagai anggota Lembaga dalam koperasi ini boleh menghantar lebih dua orang perwakilan tertakluk kepada bilangan wakil mereka yang menduduki Lembaga. Setiap perwakilan mempunyai satu undi tertakluk kepada fasal (4).

13.2.9 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA GUGUSAN KAMPUNG JEMURU BERHAD

- i. Meminda keseluruhan UUK KPFB selaras dengan contoh Undang-Undang Kecil Seragam yang dikeluarkan oleh Institut Koperasi Malaysia atau khasnya UUK lama. Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman UUK 49 kepada Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman UUK 54.
- ii. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai seorang jawatankuasa Audit Dalaman jika dia ;-
 - a) Telah disabitkan atau suatu kesalahan di bawah Akta:-
 - b) Telah ditamatkan sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi:
 - c) Menjadi anggota Lembaga Koperasi ini:
 - d) Mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan kepada mana- mana koperasi atau institusi perbankan: atau
 - e) Menerima apa-apa perlantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini.

JAWAPAN

- i. Seksyen 49 UUK, tiada seorang pun layak menjadi Jawatan Kuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai seorang Jawankuasa Audit Dalaman jika :-
 - a) dia telah disabitkan atau suatu kesalahan di bawah Akta
 - b) dia telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi
 - c) dia menjadi anggota Lembaga Koperasi ini
 - d) dia tidak lagi memegang jawatan sebagai anggota Lembaga sesuatu anggota
 - e) Anggota yang diwakilinya hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang- undang kecil 19 atau terhenti keanggotaan menurut undang-undang kecil 20; atau
 - f) dia terhenti keanggotaan dalam anggota yang diwakilinya.

13.2.10 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA BERSEPADU JEMPOL BERHAD

- i. Memohon elaun kehadiran perwakilan ditambah untuk tahun ini.

JAWAPAN

- i. Sebarang pertambahan elaun kehadiran perlu mendapat kelulusan daripada mesyuarat agung perwakilan tahunan.

13.2.11 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN JALAN KARCHU BIDOR BERHAD

- i. Memohon sekiranya ada projek yang dijalankan di tempat kawasan koperasi yang terlibat mohon diberi sedikit keuntungan dan sekira ada kerja-kerja yang boleh dilibatkan bersama.

JAWAPAN

- i. KPFB telah memperkenalkan dasar 30:70 dimana daripada keuntungan projek akan diberikan KPR.

13.2.12 USUL DARIPADA KOPERASI PESERTA-PESERTA KAWASAN PENAGOH NEGERI SEMBILAN BERHAD.

- i. Bagi FELCRA yang tidak mempunyai koperasi atau koperasi FELCRA tersebut tidak berupaya membeli BTS di FELCRA kawasan tersebut, hendaklah ditawarkan kepada koperasi berdekatan atau open tender.

JAWAPAN

- i. Tawaran pembelian BTS FELCRA Berhad merupakan perolehan FELCRA Berhad. KPFB akan menawarkan kadar yang terbaik kepada FELCRA Berhad untuk dipertimbangkan. Keputusan tawaran adalah tertakluk kepada perolehan FELCRA Berhad.

- 13.3.3 Anggota Perwakilan En. Mohd Yusuf Bin Jalil wakil dari KPR FELCRA Gugusan Keledang Sayong Kuala Kangsar Bhd. mencadangkan agar agenda tersebut diterima dan disokong sebulat suara oleh semua perwakilan. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA : 14

MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 14.1 Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd. Rashid selaku Bendahari KPFB bagi pihak Anggota Lembaga membentangkan kertas Bil.MA 41-15/2023 buku berwarna hijau muda dan kertas berwarna putih bagi tujuan Menimbang dan Meluluskan Apa-Apa Perbelanjaan Kepada Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2024 - 2025 sebanyak **RM59,250.00**.
- 14.2 Anggota perwakilan dari En. Mohd Yusuf Bin Jalil wakil dari KPR FELCRA Gugusan Keledang Sayong Kuala Kangsar Bhd., mencadangkan agar Agenda 14 Menimbang Dan Meluluskan Apa-Apa Perbelanjaan Kepada Jawatankuasa Audit Dalaman diluluskan dan disokong oleh Pn. Ramlah Binti Sahib wakil dari KPR Tanah Redang Punggur Hilir Perak Bhd. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pengerusi mengucapkan syukur kerana Mesyuarat pada kali ini mencatatkan sejarah baru kerana mesyuarat dapat diselesaikan lebih awal iaitu pada pukul 10.55 pagi. Pengerusi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua perwakilan yang telah memberikan kerjasama semasa beliau mengendalikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-41. Beliau mengharapkan para perwakilan dapat menghadiri mesyuarat agung pada tahun hadapan 2024.

Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada wakil peguam, wakil juruaudit luar dan wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan kerana dapat melapangkan masa hadir pada mesyuarat agung perwakilan KPFB pada kali ini. Pengerusi berharap para perwakilan akan kembali ke tempat masing-masing supaya lebih berhati-hati dalam perjalanan.

Dato' Hj. Sabari Bin Misran selaku Pengerusi KPFB menangguhkan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPFB Kali Ke-41 pada pukul 10.55 pagi.


PENCATAT MINIT




(NOOR SYAZALINA BINTI ABD RANI)
Ketua Urusetia



(ES NUR EIDA BINTI KARDI)
Urusetia













(FAZILAH BINTI SAMSUDIN)
Urusetia



(FARIZA BINTI ABDUL RAZAK)
Urusetia

**JAWATANKUASA PENENTUSAHKAN MINIT
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KPFB KALI KE-41
TARIKH : 03 JANUARI 2024 MASA: 10.00 PAGI**

BIL	NAMA	TANDATANGAN
1	DATO HJ. SABARI BIN MISRAN (PENGERUSI)	
2	TN. HJ JAIS BIN SAMINGAN (SETIAUSAHA)	
3	TN. HJ ABU BAKAR BIN ROSE (BENDAHARI)	
4	EN. HASSAN BIN SARKON (AHLI LEMBAGA KOPERASI)	
5	TN. HJ. SULEIMAN BIN SHAFIE (KPR FELCRA SG. SEMBERONG KLUANG BHD)	
6	EN. SHAMSUDDIN BIN YUSOF (KPR FELCRA SEBERANG PERAK BHD)	
7	EN. KAHA BIN MAT KILAU (KPR FELCRA GUGUSAN SRI MAKMUR PAHANG BHD.)	
8	TN. HJ. MOKHTAR BIN OMAR (KPR FELCRA BUKIT GEDUP DUNGUN BHD.)	
9	EN. AHMAD BIN MAHMUD (KPR FELCRA KG. PEMATANG PASIR BHD)	
10	TN. HJ. MUHAMAD YUNOS BIN MISKAN (KPR FELCRA SUNGAI KELAMBU BHD)	

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA 2024

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA 2024

Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan sehingga 30 Jun, 2024

PENUBUHAN

Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) di asaskan pada 29 Julai, 1979 oleh Pengurusan FELCRA Berhad di Lekir Sitiawan, Perak dan telah didaftarkan pada 18 Oktober, 1980 di bawah Akta Koperasi 1993.

VISI

Menjadi sebuah koperasi yang terbaik di Malaysia dalam pembangunan ekonomi sosial komuniti FELCRA Berhad

MISI

Meningkatkan keupayaan KPFB melalui komitmen dan penglibatan bersama untuk:-

- Bagi meningkatkan taraf kualiti hidup komuniti FELCRA Berhad
- Menjana pendapatan yang progresif dan lestari
- Mewujudkan kumpulan pengurusan KPFB yang komited, kompeten dan berintegriti
- Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan

NILAI MURNI

K – Konsisten, Kekuatan, Kerjasama, Kegemilangan

P - Progresif, Proaktif, Produktif, Penyayang

F - Fokus, Fleksibel

B – Berani, Bijaksana, Berhemah

OBJEKTIF

Meningkatkan dan melestarikan hasil pendapatan KPFB

Meningkatkan khidmat sosial kepada komuniti FELCRA Berhad melalui penyediaan peluang pekerjaan

Membantu KPR meningkatkan penjana pendapatan

Membangunkan pasukan kerja yang progresif dan dinamik

TERAS STRATEGIK

Teras Strategik dibangunkan berdasarkan kepada empat perspektif utama iaitu kewangan, pelanggan, proses dalaman dan infrastruktur iaitu:-

Kewangan	: Penjanaan Pendapatan Lestari
Pelanggan	: Perkhidmatan Berkualiti
Proses Dalaman	: Pengurusan Efektif dan Efisyen
Infrastruktur	: Keupayaan KPFB yang mampan

Empat teras Strategik ini dijadikan panduan untuk mencorakkan halatuju KPFB bagi tempoh 2021 - 2026. KPFB komited dan proaktif untuk menterjemahkan teras Strategik ini kepada pelan tindakan (inisiatif) seterusnya KPFB memfokus dan berani untuk melaksanakan perancangan yang telah ditetapkan.

PRINSIP PENGURUSAN KPFB

Bagi memantapkan pengurusan KPFB bermula pada tahun 2008, Anggota Lembaga telah menggariskan lima (5) prinsip yang perlu diamalkan bagi meningkatkan kejayaan KPFB iaitu:-

- Pengurusan Berkualiti
- Kerja Menuju Matlamat
- Kerja Sebagai Satu Pasukan
- Belanja Secara Berhemah; dan
- Kerja Sebahagian Daripada Ibadah

Prinsip yang diamalkan oleh Warga KPFB ini diterjemahkan lagi dengan penghayatan Slogan yang diberikan penekanan daripada aspek

“PENGURUSAN CEMERLANG KPFB TERBILANG”

BILANGAN DAN MODAL SYER ANGGOTA

Pada tahun 2024 bilangan anggota KPFB sebanyak **154** buah Koperasi Rancangan FELCRA Berhad (KPR) manakala modal syer anggota KPFB sebanyak **RM11,634,135.69**

LEMBAGA

Anggota Lembaga telah mengadakan mesyuarat Anggota Lembaga kali ke - 1/2024 pada 14 Disember 2023 selepas selesai Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-41 bagi membuat pemilihan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Berdasarkan kepada pemilihan tersebut, Anggota Lembaga yang berjaya dipilih adalah sebagaimana berikut:-

Pengerusi : Dato' Haji Sabari Bin Misran, DIMP, ASA, PJK

(Wakil Selangor)

Setiausaha : Haji Jais Bin Samingan

(Wakil Johor)

Bendahari (Wakil Perak)	: Haji Abu Bakar Bin Rose, <small>PKC</small>
Wakil Pahang	: YB. Dato' Rodzuan Bin Zaaba, <small>DIMP</small>
Wakil Melaka	: En. Jumat Bin Mat Lani
Wakil Kedah	: Haji Che Sakeri Bin Ibrahim
Wakil Pahang	: Haji Jamalukhair Bin Mohd. Rashid
Wakil Johor	: En. Hassan Bin Sarkon
Wakil Perlis	: Haji Ahmad Bin Suboh
Wakil Pulau Pinang	: Haji Mohamad Salleh Bin Mohamad
Wakil Terengganu	: Haji Zakaria Bin Mohamad
Wakil Sarawak	: Haji Gali @ Nawi Bin Haji Som
Wakil Perak	: Haji Rosli Bin Mat
Wakil Negeri Sembilan	: En. Norlion Bin Paidi
Wakil Kelantan	: En. Md Radzi Bin Wahab

BILANGAN DAN KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA

Sepanjang tahun 2023/2024, KPFB telah mengadakan 6 kali Mesyuarat Anggota Lembaga seperti berikut:-

Bil.	Tarikh	Bilangan Mesyuarat ALK	KEHADIRAN ALK
1.	17/07/2023	Kali Ke-05/2023	14/15
2.	03/10/2023	Kali Ke-06/2023	14/15
3.	14/12/2023	Kali Ke-01/2024	15/15
4.	23/01/2024	Kali Ke-02/2024	15/15
5.	27/03/2024	Kali Ke-03/2024	15/15
6.	07/05/2024	Kali Ke-04/2024	14/15

Bil	Nama ALK	Bilangan Mesyuarat
1.	Dato' Haji Sabari Bin Misran, <small>DIMP, ASA, PJK</small>	6/6
2.	Haji Jais Bin Samingan	6/6
3.	Haji Abu Bakar Bin Rose, <small>PKC</small>	6/6
4.	YB. Dato' Rodzuan Bin Zaaba, <small>DIMP</small>	4/6
5.	En. Jumat Bin Mat Lani	6/6

6. Haji Che Sakeri Bin Ibrahim	6/6
7. Haji Jamalukhair Bin Mohd. Rashid	6/6
8. En. Hassan Bin Sarkon	6/6
9. Haji Ahmad Bin Suboh	6/6
10. Haji Mohamad Salleh Bin Mohamad	6/6
11. Haji Zakaria Bin Mohamad	6/6
12. Haji Gali @ Nawi Bin Haji Som	6/6
13. Haji Rosli Bin Mat	5/6
14. En. Norlion Bin Paidi	6/6
15. En. Md Radzi Bin Wahab	4/4
16. En. Shamsuri Bin Ibrahim	2/2

Penggiliran Anggota Lembaga

Anggota Lembaga telah memutuskan penggiliran/pengguguran Anggota Lembaga berdasarkan kumpulan sebagaimana di bawah:

JADUAL PENGGILIRAN ANGGOTA LEMBAGA KPFB

BIL.	ANGGOTA LEMBAGA	WAKIL NEGERI	TAHUN TAMAT
KUMPULAN : 1			
1.	Haji Abu Bakar Bin Rose	Perak	2024
2.	En. Jumat Bin Mat Lani	Melaka	2024
3.	Haji Jamalukhair Bin Mohd Rashid	Pahang	2024
4.	Haji Jais Bin Samingan	Johor	2024
5.	Haji Gali @ Nawi Bin Haji Som	Sarawak	2024
KUMPULAN : 2			
1.	Dato' Haji Sabari Bin Misran	Selangor	2025
2.	Haji Rosli Bin Mat	Perak	2025
3.	Dato' Rodzuan Bin Zaaba	Pahang	2025
4.	En. Norlion Bin Paidi	Negeri Sembilan	2025
5.	Haji Ahmad Bin Suboh	Perlis	2025

KUMPULAN : 3			
1.	Haji Che Sakeri Bin Ibrahim	Kedah	2026
2.	En. Hassan Bin Sarkon	Johor	2026
3.	En. Md Radzi Bin Wahab	Kelantan	2026
4.	Haji Mohamad Salleh Bin Mohamad	Pulau Pinang	2026
5.	Haji Zakaria Bin Mohamad	Terengganu	2026

Bagi memantapkan pentadbiran KPFB, Lembaga telah menyusun struktur dengan mewujudkan Jawatankuasa Lembaga selaras Undang-Undang Kecil 43 (2) (w). Penstrukturan ini bertujuan untuk memantau perjalanan pengurusan dan memperkemaskan operasi perniagaan harian KPFB di dalam melaksanakan tindakan-tindakan susulan yang dijalankan oleh Pengurusan KPFB. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

JAWATANKUASA PENGURUSAN, KEWANGAN, TENDER, DISIPLIN DAN KAJIAN RISIKO

Pengerusi : Dato' Haji Sabari Bin Misran
 Ahli : Haji Jais Bin Samingan
 : Haji Abu Bakar Bin Rose
 : YB Dato' Rodzuan Bin Zaaba
 : En. Jumat Bin Mat Lani
 : En. Hassan Bin Sarkon
 : Haji Ahmad Bin Suboh
 : Haji Mohammad Salleh Bin Mohamad
 : Haji Zakaria Bin Mohamad

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PROJEK

Pengerusi : Dato' Haji Sabari Bin Misran
 Ahli : Haji Jais Bin Samingan
 : Haji Abu Bakar Bin Rose
 : Haji Sakeri Bin Ibrahim
 : Haji Jamalukhair Bin Mohd Rashid
 : Haji Gali @ Nawi Bin Haji Som
 : En. Norlion Bin Paidi
 : Haji Rosli Bin Mat
 : En. Md Radzi Bin Wahab

**JAWATANKUASA KECIL
BAHAGIAN PEMASARAN**

- i. Haji Mohammad Salleh Bin Mohamad
- ii. Haji Jamalukhair Bin Mohd Rashid
- iii. Haji Zakaria Bin Mohamad

BAHAGIAN PERTANIAN

- i. En. Jumat Bin Mat Lani
- ii. Haji Sakeri Bin Ibrahim
- iii. Haji Rosli Bin Mat

BAHAGIAN TEKNIKAL

- i. En. Hassan Bin Sarkon
- ii. Haji Gali @ Nawi Bin Haji Som
- iii. En. Norlion Bin Paidi

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

- i. YB Dato' Rodzuan Bin Zaaba
- ii. Haji Ahmad Bin Suboh
- iii. En. Md Radzi Bin Wahab

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

SEMUA ANGGOTA LEMBAGA KPFB

**ANAK SYARIKAT KPFB DAN ANAK SYARIKAT FELCRA BERHAD
KPFB Bersepadu Sdn Bhd – 1277705-V**

- i. Dato' Haji Sabari Bin Misran
- ii. Haji Sakeri Bin Ibrahim
- iii. Haji Abu Bakar Bin Rose
- iv. En. Jumat Bin Mat Lani
- v. En. Hassan Bin Sarkon

YAYASAN FELCRA BERHAD

- i. Dato' Haji Sabari Bin Misran

FELCRA BEKALAN & PERKHIDMATAN SDN BHD

- i. Haji Abu Bakar Bin Rose

JAWATANKUASA AUDIT DALAM

Selaras dengan Undang-Undang Kecil 48, menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi tiga orang, terdiri daripada perwakilan yang dilantik oleh Lembaga, menurut fasal (g) Undang-Undang Kecil 40. Ahli Jawatankuasa Audit Dalam yang dipilih adalah:-

Haji Shaharani Bin Mahamud
(KPR FELCRA Kledang Sayong Kuala Kangsar Berhad)

En. Md Rafdi Bin Mohammad
(KPR FELCRA Gug. Tasek Kacang Puri Pulau Pinang Berhad)

En. Md Fauzi Bin Wamin
(KPR FELCRA Batu Maju 29 Kluang Berhad)

Jawatankuasa Audit Dalam telah bersidang dan telah memilih Haji Shaharani Bin Mahamud sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam.

PENGURUSAN

Sehingga 30 Jun, 2024, KPFB mempunyai staf pengurusan seramai 48 orang. Staf-staf ini bertugas di Ibu Pejabat dan juga Wilayah-Wilayah.

Wilayah KPFB adalah di lokasi-lokasi berikut:-

Wilayah Utara, Alor Setar, Kedah
Wilayah Perak, Ayer Tawar, Perak
Wilayah Tengah, Bahau, Negeri Sembilan
Wilayah Johor, Segamat, Johor
Wilayah Pahang, Temerloh, Pahang
Wilayah Timur, Kuala Terengganu, Terengganu
Wilayah Sarawak, Samarahan, Sarawak
Wilayah Sabah, Kota Kinabalu, Sabah

Sehingga 30 Jun, 2024 struktur staf KPFB adalah sebagaimana berikut:-

Ketua Pegawai Eksekutif	:	1 orang
Ketua Pegawai Kewangan	:	1 orang
Ketua Bahagian	:	6 orang
Pengurus Negeri Cawangan	:	8 orang
Staf Sokongan Ibu Pejabat	:	24 orang
Staf Sokongan Cawangan/Projek	:	8 orang

PELABURAN

Sehingga 30 Jun, 2024 kedudukan portfolio pelaburan KPFB dan simpanan tetap adalah sebagaimana berikut:-

	RM
Pelaburan Dalam Saham Tak Siarharga	1,073,044
Pelaburan Dalam Subsidiari	1,000,000
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	119,741
Pelaburan lain	2,460,000
Simpanan Tetap Di Institusi Kewangan Berlesen	720,885

Jumlah	5,373,670
	=====

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Sepanjang tahun kewangan 30 Jun, 2024, KPFB telah menjalankan urusanniaga yang berjumlah **RM 779,163,313** berbanding aktiviti tahun lepas sebanyak **RM637,729,824** dengan kadar peningkatan sebanyak **RM141,433,489** atau meningkat **18.15%**. Walaubagaimanapun pencapaian keuntungan bersih sebelum cukai adalah telah meningkat sebanyak **RM3,331,333** berbanding pada tahun 2023/2022 sebanyak **RM 2,960,263** iaitu meningkat **11.14%** berjumlah **RM371,070** berbanding tahun 2023/2022.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah mengikut Bahagian-Bahagian seperti berikut:-

a) Aktiviti Pemasaran

Bahagian ini telah menjalankan aktiviti pembelian Buah Tandan Segar (BTS), Sekerap dan Pengangkutan BTS di Sarawak serta Belian Luar dimana pihak KPFB terlibat dalam aktiviti penghantaran BTS ke kilang-kilang di Kawasan Kilang Sawit FB Maran, Kilang Sawit FB Melikai, Kilang Sawit FB Bukit Kepong, Kilang Sawit FB Nasarudin dan Kilang Sawit Swasta iaitu Kilang Classic Segamat Palm Oil. Selain itu, Bahagian Pemasaran juga telah mengorak langkah dengan menambah aktiviti pembelian BTS melalui pembelian BTS bagi pekebun kecil bermula Jun 2024. Bahagian Pemasaran menjangkakan bakal berlaku sedikit lonjakan pendapatan bagi aktiviti pada akaun berakhir Jun 2025. Untuk makluman Bahagian Pemasaran juga telah melaksanakan sebanyak **87** kontrak pada tahun 2021 hingga tahun 2024 dengan nilai urusanniaga sebanyak **RM663,500,165** dalam tahun kewangan 2024 dan keseluruhan keuntungan kasar adalah sebanyak **RM6,183,855**.

Bagi aktiviti belian BTS FELCRA Berhad, KPFB telah memperoleh hasil sebanyak 818,745.53 M/T dimana keuntungan kasar adalah sebanyak **RM10,532,183**. Manakala bagi aktiviti Sekerap, KPFB telah memperoleh hasil sebanyak 2,327,229.47Kg Basah bersamaan 1,202,911.01Kg Kering dengan kadar keuntungan sebanyak **RM180,153.69**. Disamping belian BTS dengan pihak FELCRA Berhad, KPFB juga ada menjalankan aktiviti Belian BTS Luar, dengan memperolehi keuntungan sebanyak **RM168,134** bagi kerja-kerja penghantaran BTS ke kilang FELCRA Berhad dengan hasil sebanyak 84,070.67 m/t. dan, bagi aktiviti Pengangkutan BTS di Sarawak, pihak KPFB telah menjalankan kerja-kerja pengangkutan

sebanyak 130,164.87 M/T dengan nilai keuntungan yang diperolehi dalam tahun kewangan semasa sebanyak **RM404,031** dan lain-lain pendapatan keuntungan faedah sebanyak **RM11,614**.

Dalam tahun kewangan 2024/2023, pihak KPFB melalui bahagian pemasaran telah membuat pengagihan insentif, sebanyak **RM3,433,713** kepada 61 KPR yang telah berusahasama dengan KPFB yang meliputi seluruh Malaysia.

Aktiviti Pemasaran masih berjalan seperti biasa dan KPFB telah ditawarkan untuk menjalankan aktiviti pemasaran diseluruh Malaysia kecuali ladang-ladang yang terlibat dengan Kilang Sawit milik FELCRA Berhad sendiri. KPFB menjangkakan berlaku peningkatan pendapatan pada tahun 2025/2024 sebanyak **RM1,000,000.00**/tahun. Pihak KPFB menjangkakan berlaku peningkatan dalam pendapatan keseluruhan untuk tahun kewangan berakhir pada Jun 2025 sebanyak **RM12 juta** kasar untuk bahagian pemasaran khususnya.

	RM 2024	RM 2023
Pendapatan	663,500,165	550,616,173
Perbelanjaan	653,882,597	542,797,124
Insentif	3,433,713	2,472,691
	6,183,855	5,346,358
Keuntungan Kasar	6,183,855	5,346,358

b) **i) Aktiviti Pertanian**

Bahagian Pertanian menjalankan aktiviti kerja-kerja Pertanian Am, kerja-kerja Penorehan Getah serta kerja-kerja Pembekalan anak benih sawit & getah / Input Pertanian. Pada **2024/2023**. Bahagian ini telah menguruskan sebanyak **12 kontrak Pertanian AM** dengan nilai urusniaga sebanyak **RM14,226,218** Kontrak Pembekalan sebanyak **11 kontrak** dengan nilai urusniaga sebanyak **RM9,105,883** menjadikan nilai urusniaga bahagian pertanian berjumlah **RM 23,332,101**. Pendapatan kasar bagi semua aktiviti ini ialah sebanyak **RM 1,140,885**.

	RM 2024	RM 2023
Pendapatan	23,332,101	16,673,407
Perbelanjaan	22,191,216	14,870,637
	1,140,885	1,802,770
Keuntungan Kasar	1,140,885	1,802,770

ii) Aktiviti Ladang Sawit KPFB

Pengeluaran hasil bagi tahun **2024/2023** ialah sebanyak **887.98 metrik/tan** berbanding tahun **2023/2022** sebanyak **719.14 metrik/tan**, iaitu peningkatan sebanyak **168.84 metrik/tan**. Pendapatan kasar juga bertambah daripada **RM 606,159** bagi tahun 2023/2022 kepada **RM**

672,563 untuk tahun 2024/2023. Bahagian Pertanian akan melaksanakan program Tanam Semula seluas 31 hektar pada Januari 2025 dan akan memperluas kawasan tanam semula secara berperingkat. KPFB juga telah menambah keluasan ladang sawit dengan membangunkan tanah di **Senggang** yang berkeluasan **22 ekar** dan di **Lembah Beringin** yang berkeluasan **391.40 ekar**. Pihak KPFB juga dalam tindakan membeli ladang kelapa sawit yang telah berhasil di **Gemencheh**, Negeri Sembilan seluas 449 Ekar.

	RM 2023/2024	RM 2022/2023
Pendapatan	672,563	606,159
Perbelanjaan	408,923	531,229
Keuntungan Kasar	263,640	74,930

c) **Aktiviti Teknikal**

Bahagian Teknikal merupakan satu bahagian yang dominan melaksanakan & menguruskan perihal kontrak kerja-kerja pembinaan. Antaranya melibatkan kontrak pembinaan **bangunan, infrastruktur, landskap, ubahsuai dan penyelenggaraan**. Dewasa Ini, **Bahagian Teknikal** mula giat menceburi kerja-kerja melibatkan kontrak **pembekalan dan hartanah** bagi menyumbang peningkatan pendapatan **KPFB**. Bagi tahun kewangan **2024/2023**, Bahagian Teknikal menumpukan kepada aktiviti pembinaan Bangunan, Jalan dan Infrastruktur.

Bagi tahun kewangan **2024/2023**, aktiviti Bahagian adalah daripada projek sambungan sebelum ini serta projek baru tahun semasa. Kontrak yang diperolehi pada tahun **2024/2023** adalah sebanyak **111** projek berbanding tahun **2023/2022** sebanyak **104** projek. Urusniaga bahagian Teknikal adalah berjumlah **RM83,488,302** meningkat sebanyak **RM 21,270,202.00** daripada **RM62,218,100** iaitu sebanyak **34.19%** berbanding pada tahun **2023/2022** .

Industri pembinaan bagi tahun **2024/2023** terdapat banyak peningkatan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Keuntungan kasar pada tahun **2024/2023** sebanyak **RM 5,474,626** yang mana bertambah sebanyak **RM2,044,578** daripada **RM3,430,048** iaitu **59.61 %** berbanding pada tahun **2023/2022** . Pendapatan Bahagian adalah dikira daripada kemajuan sebenar kewangan mengikut sijil bayaran kemajuan kerja bukannya berdasarkan kemajuan fizikal di tapak.

	RM 2023	RM 2022
Pendapatan	83,488,302	62,218,100
Perbelanjaan	78,013,676	58,788,052
Keuntungan Kasar	5,474,626	3,430,048

d) **Aktiviti Niaga**

Tahun 2024 telah menyaksikan pencapaian yang signifikan bagi **Bahagian Niaga**, mencerminkan usaha perniagaan yang kukuh dan pertumbuhan berwawasan dengan mencatatkan nilai urusniaga sebanyak **RM8,170,182** peningkatan berbanding tahun sebelumnya yang merekodkan **RM7,615,985**. Pencapaian ini membuktikan komitmen kami terhadap kecemerlangan perniagaan, di mana Bahagian Niaga berjaya memperkukuhkan asas perniagaan menerusi adaptasi yang bijak terhadap perubahan landskap ekonomi. Langkah ini memastikan daya tahan kewangan kami kekal utuh sambil terus memacu koperasi ke arah pertumbuhan yang lebih kompetitif dan terancang.

Dalam tempoh setahun, Bahagian Niaga telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif yang dirancang secara strategik, termasuk aktiviti pembekalan produk peruncitan khususnya beras, minyak dan susu dalam memperluaskan capaian pasaran dan mengukuhkan struktur pengurusan yang lebih cekap. Komitmen wilayah menjadi salah satu faktor kejayaan, dengan usaha berterusan dalam aktiviti *trading* baja, racun kimia, *hardware* dan input pertanian. Hasilnya, Bahagian Niaga tidak hanya mengekalkan kestabilan dalam aliran pendapatan tetapi juga mencipta sinergi yang memberi manfaat kepada koperasi dan seluruh anggotanya.

Keuntungan yang dicapai pada tahun ini turut didorong oleh dua aktiviti baru yang turut menjadi penyumbang kepada keuntungan Bahagian Niaga iaitu tender dan CPO Trading. Dengan langkah-langkah strategik yang telah dilaksanakan dan pencapaian yang dicapai, Bahagian Niaga berdiri teguh sebagai entiti yang bukan sahaja berdaya saing tetapi juga memiliki visi yang jelas untuk masa depan.

	RM 2023/2024	RM 2022/2023
Pendapatan	8,170,182	7,615,985
Perbelanjaan	7,128,305	6,713,728
Keuntungan Kasar	1,041,877	902,257
e) Lain-lain Aktiviti	1,386,021	913,056
Jumlah keuntungan daripada aktiviti utama	14,104,883	11,554,863
Jumlah keuntungan Bersih	3,331,333	2,960,263

ASET TETAP

Sehingga 30 Jun, 2024, KPFB telah memiliki 15 buah bangunan kedai/pejabat, ladang kelapa sawit dan hartanah di lokasi-lokasi berikut:-

JENIS	LOKASI	LOT	STATUS	BAKI PINJ. RM	HARGA BELI RM	HARGA PASARAN RM
Bangunan Kedai/Pejabat 4 Tingkat	Segamat, Johor (Pejabat Wilayah Johor)	PTD 1380	Pegangan Bebas	Telah diselesaikan	425,000	520,000
Bangunan Kedai/Pejabat 4 Tingkat	Subang Jaya, Selangor. (Disewakan)	PT 4013	Pegangan Bebas	Telah diselesaikan	662,275	3,500,000
Bangunan Kedai/Pejabat 2 ½ Tingkat	Ayer Tawar, Perak (Pejabat Wilayah Perak)	21098	Pajakan 99 Tahun	Telah diselesaikan	255,900	300,000
Bangunan Kedai/Pejabat 1 Tingkat	Bahau, Negeri Sembilan (Pejabat Wilayah Tengah)	PT 852	Pegangan Bebas	Telah diselesaikan	85,000	250,000
Bangunan Kedai/Pejabat 2 Tingkat	Temerloh, Pahang. (Pejabat Wilayah Pahang)	PT 5774	Pegangan Bebas	Telah diselesaikan	280,000	380,000
Bangunan Kedai/Pejabat 3 Tingkat	No. 16, Desa Melawati. (Pejabat Urusan KPFB)	PT 26807	Pegangan Bebas	Telah diselesaikan	850,000	1,850,000
Bangunan Kedai/Pejabat 2 Tingkat	Kuala Terengganu, Terengganu. (Pejabat Wilayah Timur)	PT 32594	Pegangan Bebas	RM88,012	360,000	420,000
Bangunan 5 unit Apartment	Tapah, Perak (Asrama Pelajar UiTM)	PT 4995	Pegangan Bebas	RM501,235	831,250	850,000

Bangunan Kedai/Pejabat 3 Tingkat	No 17, Desa Melawati (Pejabat Pentadbiran KPFB)	PT 43261	Pegangan Bebas	RM1,112,031	1,625,000	1,850,000
Ladang Kelapa Sawit 300 ekar	Mukim Belanja & Mukim Layang-Layang, Perak.	13666 & 8409	Pegangan Bebas	Telah diselesaikan	2,893,000	13,000,000
Tanaman Kelapa Sawit 11.22 ekar	FELCRA Panchor Merah, Terengganu	Lot No.5949 & Lot No. 5898	Pegangan Bebas	Telah diselesaikan	257,980	336,000
Tanah Selayang 7.94 ekar	Sg Tua, Selangor	Lot 2146, 2148, 2150	Simpanan Melayu	RM11,808,129	13,885,440	20,609,064
Tanah Senggang 22 Ekar	Kuala Kangsar, Perak	Lot 14274 14280 14281 14277 12479 14282 48242 48251 48042 PT4601 PT4608	Simpanan Melayu	Telah diselesaikan	484,000	484,000
Tanah Ladang Lembah Beringin 902.08 ekar	Hulu Selangor		Pajakan 21 tahun		3,245,760	78,612,796
Kilang Palet Gong Badak Terengganu	Terengganu		Pajakan	RM2,243,170	2,750,000	2,750,000
				JUMLAH	28,890,605	125,711,860

KPFB BERSEPADU SDN BHD – 1277705 - V

KPFB akan mengeluarkan “*Power Of Attorney*” (PA) kepada KPFB Bersepadu Sdn Bhd akan menjadi pemaju untuk projek Tanah Selayang KPFB bagi pembangunan KPFB Residensi, 928 unit, 4 Blok Apartment, 29 Tingkat di atas Lot 2146,2148 dan 2150, Mukim Batu, Daerah Gombak.

PRESTASI SEHINGGA 30 JUN 2024

Keputusan Kewangan

Bagi tahun kewangan **2024/2023**, KPFB telah mendapatkan keuntungan bersih adalah sebanyak **RM 3,331,333** berbanding pada tahun kewangan 2023/2022 sebanyak **RM2,960,263.00** iaitu berlaku peningkatan sebanyak **RM 371,070** atau 11.14%. Bagi perbelanjaan operasi pada tahun kewangan **2024/2023**, iaitu sebanyak **RM 12,159,571** berbanding pada tahun kewangan 2023/2022 sebanyak **RM9,507,656.00** iaitu peningkatan sebanyak **RM 2,61,915** atau 21.81%. Bagi prestasi keuntungan kasar dari aktiviti utama, berlaku peningkatan pada tahun kewangan **2024/2023** iaitu sebanyak **RM 14,104,883** berbanding tahun kewangan 2023/2022 iaitu **RM11,554,863.00**. Peningkatan ini adalah sebanyak **RM 2,550,020** atau 18.08%.

Dari segi perbelanjaan operasi bagi tahun kewangan **2024/2023**, ianya dapat dilihat berlakunya peningkatan **RM 12,159,571** berbanding tahun kewangan 2023/2022 iaitu **RM9,507,656.00**. Peningkatan ini adalah sebanyak **RM 2,651,915** iaitu meningkat **21.81%** adalah kerana, pada tahun kewangan **2024/2023** secara keseluruhannya perbelanjaan pentadbiran, lain –lain perbelanjaan operasi, perbelanjaan kewangan dan juga perbelanjaan am berikutan peningkatan dalam urusan niaga tahun kewangan 2024/2023. Kenaikan ini juga melibatkan aktiviti CSR yang telah dilaksanakan oleh pihak KPFB sepanjang tempoh kewangan yang mana salah satu CSR adalah dengan menyalurkan bantuan banjir kepada ahli ahli KPR yang terkesan di negeri yang terlibat. Serta salah satu kenaikan adalah dengan pertambahan aset tetap yang dimiliki oleh pihak KPFB dalam tempoh kewangan yang mana ia berkait rapat dengan belanja susutnilai.

Selain daripada itu, pada tahun kewangan nilai aset semasa bersih telah mengalami penurunan yang ketara dari **RM 6,136,688** kepada **RM 7,954,451** iaitu dengan nilai peningkatan sebanyak **RM 1,817,763 (22.85%)**. Peningkatan ini disebabkan salah satu faktor dari pengurangan nilai penghutang dan pemiutang. Ini menunjukkan bahawa sepanjang tahun kewangan, prestasi pembayaran dan kutipan hutang secara kolektif telah dibuat dengan baik. Ianya dapat dilihat dengan penurunan yang ketara untuk penghutang sebanyak **17.94%** berbanding pemiutang sebanyak **12.13%**. Ini menggambarkan keberkesanan KPFB dalam menguruskan strategi pemasaran bagi meneruskan kelangsungan perniagaan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, jumlah aset dan juga jumlah liabiliti berada dalam keadaan terapung bagi kedua – dua tahun. Peningkatan dalam jumlah aset adalah kerana pada tahun semasa, pihak Koperasi telah membeli sebuah kilang memproses makanan ternakan haiwan.

Pada tahun kewangan **2024/2023**, KPFB mendapat kontrak baru dalam kuantiti yang kecil dan juga menyiapkan kerja-kerja sambungan. Disamping itu juga keadaan ekonomi semasa berada dalam pertumbuhan yang perlahan. Walaubagaimanapun, KPFB masih mampu memperolehi peningkatan keuntungan pada tahun semasa. Prestasi KPFB berada dalam keadaan yang baik kerana pada 2024/2023, KPFB berjaya mengekalkan keuntungan terkumpul.

Dividen

Hasil daripada prestasi tahun kewangan **2024**, Lembaga KPFB bercadang untuk mengisytiharkan pembayaran dividen kepada anggota sebanyak 10% iaitu sebanyak **RM 1,163,414** meningkat berbanding tahun lepas iaitu 6%.

PENCAPAIAN 5 TAHUN LEPAS (2019/2020 – 2023/2024)

Dalam tempoh 5 tahun lepas pencapaian keuntungan bersih sebelum cukai KPFB tahun 2018/2019 – 2020/ 2023 telah menunjukkan aliran pencapaian setiap tahun seperti berikut:-

Tahun	2019/2020	2020/2021	2021/2022	2022/2023	2023/2024
Bajet Untung Bersih Sebelum Cukai	3,705,139.00	3,211,215.00	1,776,842.00	2,408,252.00	3,019,760.00
Sebenar Untung Bersih Sebelum Cukai	230,899.00	904,591.00	1,572,950.00	2,960,263.00	3,331,333.00

KAEDAH PELAKSANAAN USAHASAMA KPFB/KPR

Pengagihan keuntungan adalah berdasarkan penglibatan KPFB/KPR dimana sekiranya KPFB yang menguruskannya KPFB mendapat **70%** dan KPR mendapat **30%** dan sebaliknya. Mengikut rekod pembahagian keuntungan (insentif) kepada KPR-KPR setiap tahun sejak tahun 2001, KPFB telah mengeluarkan bayaran insentif kepada KPR-KPR sebanyak **RM 33,055,896** dan bayaran dividen sebanyak **RM 18,912,272** menjadikan jumlah keseluruhannya kepada KPR-KPR sebanyak **RM 51,968,168** seperti berikut:-

Tahun	Insentif RM	Modal Syer RM	Dividen RM
1980 - 2000		11,122,544	3,208,867
2001 - 2010	5,102,588	11,177,088	3,963,167
2011 - 2020	19,468,510	11,666,345	8,724,615
2021	883,420	11,475,045	573,753
2022	1,694,974	11,635,053	573,753
2023	2,472,691	11,745,053	704,703
2024	3,433,713	11,634,136	1,163,414
Jumlah	33,055,896		18,912,272

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Sasaran keuntungan

KPFB meletakkan sasaran keuntungan bersih pada tahun 2024 sebanyak **RM 3.0** juta. Pengurusan menjangkakan keuntungan dalam tempoh lima tahun kepada **RM 7.50** juta.

Tahun	2023/2024	2024/2025	2025/2026	2026/2027	2027/2028
Sasaran Keuntungan Bersih Sebelum Cukai	RM 3,000,000	RM 5,355,000	RM 6,318,226	RM 7,000,000	RM 7,500,000

1) Mengadakan projek baru dan usahasama KPFB dan KPR

- i. Meningkatkan penglibatan projek pertanian dan tanam semula di FELCRA Berhad
- ii. Meningkatkan pembelian Buah Tandan Segar (BTS) dan sekerap
- iii. Membuka tapak semaian sawit kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP)
- iv. Menjadi 'dealer' pembelian buah tandan segar (bts)
- v. Menjadi pembekal barang-barang hardware dan mesin-mesin
- vi. Menyediakan perkhidmatan roomstay, homestay dan bajet hotel
- vii. Perkhidmatan Pengangkutan Buah Kelapa Sawit

2) Memiliki ladang berskala besar dan pemaju perumahan

- i. Memiliki ladang yang berskala besar
- ii. Memajukan pembangunan hartanah
- iii. Menjadi pemaju perumahan

3) Projek Baru Yang Akan Di Laksanakan

- i. Pembekalan bahan makanan mentah
- ii. Pembekalan barangan pengguna
- iii. Perkhidmatan pengurusan fasiliti
- iv. Pembekalan kenderaan elektrik

4) Penyertaan Ekuiti bersama FELCRA Berhad

- i. Pembelian ladang-ladang yang berpotensi
- ii. Penyertaan dalam kilang-kilang sawit
- iii. Penyertaan dalam kilang penapisan minyak sawit

PENGHARGAAN

Lembaga KPFB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khususnya kepada anggota terhadap kerjasama, sokongan, sumbangan, saranan-saranan dan nasihat-nasihat yang telah diberikan kepada KPFB. Lembaga KPFB berharap agar kerjasama, sokongan dan sumbangan ini akan berterusan demi untuk faedah dan kemajuan KPFB dan KPR. Bagi mencapai dan menjayakan matlamat yang telah digariskan setiap warga kerja KPFB telah diterapkan moto "**PENGURUSAN CEMERLANG KPFB TERBILANG**"

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA
MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)**

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024**

Diluluskan untuk diterbitkan melalui resolusi Anggota Lembaga Koperasi

12 DEC 2024

**ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
Akauntan-Akauntan Bertauliah (Malaysia)**

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Kandungan	1
Maklumat Korporat	2
Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi	3 - 5
Laporan Juruaudit Bebas	6 - 10
Kunci Kira-kira	11 - 12
Akaun Pembahagian Keuntungan	13
Akaun Untung Rugi	14 - 15
Penyata Aliran Tunai	16 - 17
Polisi-polisi dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	18 - 54

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024**

MAKLUMAT KORPORAT

No. Pendaftaran Koperasi: Koop Negara No. 42

Pejabat Berdaftar/

Alamat Pentadbiran: WISMA KPFB
NO. 16 & 17, JALAN 3/4C
DESA MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR

Anggota Lembaga Koperasi:

Pengerusi	DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN
Setiausaha	HAJI JAIS BIN SAMINGAN
Bendahari	HAJI ABU BAKAR BIN ROSE
Anggota Lembaga	YB. DATO' RODZUAN BIN ZAABA
	EN. JUMAT BIN MAT LANI
	EN. HASSAN BIN SARKON
	HAJI CHE SAKERI BIN IBRAHIM
	HAJI JAMALUKHAIR BIN MOHD RASHID
	HAJI AHMAD BIN SUBOH
	HAJI MOHAMAD SALLEH BIN MOHAMAD
	HAJI ZAKARIA BIN MOHAMAD
	HAJI GALI @ NAWI BIN SOM
	HAJI ROSLI BIN MAT
	EN. NORLION BIN PAIDI
	EN. MD RADZI BIN WAHAB (Bermula 14 Disember 2023)
	EN. SHAMSURI BIN IBRAHIM (Sehingga 14 Disember 2023)

Jawatankuasa Audit Dalam:

Pengerusi	HAJI SHAHARANI BIN MAHAMUD
Setiausaha	HAJI MUSTAFA KAMAL BIN SULAIMAN
Ahli	HAJI MOKHTAR BIN OMAR

Juruaudit: ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.

Bank Utama: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
CIMB BANK BERHAD
CIMB ISLAMIK BANK BERHAD
MAYBANK ISLAMIK BANK BERHAD
AMBANK BERHAD
AFFIN ISLAMIK BANK BERHAD
BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT
AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)

Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.

Kegiatan utama Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad adalah menjalankan kegiatan perniagaan, pertanian dan binaan, memberi pinjaman kepada anggota, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan saham, pemilikan aset, sewa ruang pejabat dan bangunan, dan mengadakan aktiviti-aktiviti usahasama. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

	2024 RM	2023 RM
PEMBAHAGIAN BERKANUN		
Kumpulan Wang Rizab Statutori, 10% (2023: 12%)	333,133	355,232
Kumpulan Wang Amanah:-		
Pendidikan Koperasi, 2% (2023: 2%)	66,627	59,205
Pembangunan Koperasi, 1% (2023: 1%)	33,313	29,603
 PEMBAHAGIAN DICADANGKAN		
Dividen atas Modal Syer Anggota dicadangkan, 10% (2023: 6%)	1,163,414	704,703
Honorarium Anggota Lembaga	150,000	150,000
Kumpulan Wang Penebusan Syer (2023: 5%)	-	78,648
Tabung Persaraan Kakitangan	500,000	500,000

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT
AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)
(SAMBUNGAN)

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:


- (a) perolehan Koperasi pada sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusan atau kejadian yang luarbiasa;
- (b) Koperasi juga bercadang untuk membayar dividen bagi tahun kewangan ini sebanyak RM1,163,414 iaitu 10% atas baki modal syer anggota pada 31 Disember 2023 tertakluk kepada persetujuan dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Selain itu juga, Koperasi juga bercadang untuk membayar honorarium bagi tahun kewangan ini sebanyak RM150,000;
- (c) pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai;
- (d) tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak;
- (e) Lembaga juga berpendapat bahawa amaun aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah;
- (f) dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang pindahan penting dibuat kepada atau daripada rizab dan peruntukan, selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan; dan
- (g) aset semasa boleh dihasilkan nilai seperti tercatat dalam rekod-rekod perakaunan Koperasi secara urusan perniagaan biasa.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT
AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)
(SAMBUNGAN)**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengakui bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara-perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993.



DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN
Pengerusi



HAJI JAIS BIN SAMINGAN
Setiausaha



HAJI ABU BAKAR BIN ROSE
Bendahari

Tarikh: 12 DEC 2024
Kuala Lumpur

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI**

**Kepada,
Ketua Pendaftar Koperasi,
Anggota-anggota Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad**

Laporan Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad**, yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada **30 Jun 2024**, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 54 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 30 Jun 2024, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan*. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Syarikat menurut *By-Laws (on Professional Ethics, Conduct and Practice)* oleh Institut Akauntan Malaysia ("*By-Laws*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* ("*IESBA Code*"), dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut *By-Laws* dan *IESBA Code*.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
(SAMBUNGAN)**

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tidak meliputi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan kami tidak menyatakan sebarang pendapat ke atasnya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan, melaluinya, mempertimbangkan sama ada Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berdasarkan kepada kerja yang kami jalankan, kami membuat kesimpulan terdapat salah nyata secara ketara terhadap Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Kumpulan dan Koperasi dan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi samaada berniat untuk membubarkan Kumpulan dan Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
(SAMBUNGAN)**

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhan adalah bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan sesuatu salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat, boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
(SAMBUNGAN)**

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (Sambungan)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan-pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dalam keadaan yang mencapai persembahan yang saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan aktiviti perniagaan Kumpulan atau Koperasi untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas hala tuju, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami bertanggungjawab bagi pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara lain, skop dan jangka masa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain


Menurut keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang pada pendapat kami:

- (a) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan wajar menurut Seksyen 58 Akta Koperasi, 1993;
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Kumpulan dan Koperasi sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2024, adalah menurut Akta, Peraturan-peraturan Pertubuhan Koperasi 2010 di Malaysia, dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- (c) aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam kesemua segi yang material adalah dinyatakan secara saksama menurut polisi-polisi perakaunan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
(SAMBUNGAN)**

Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan hanya kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
AF: 0699
Akauntan-Akauntan Bertauliah



MOHD HILMI BIN H. MOHD NOOR
No. Juruaudit : SKM(B)0605
Akauntan Bertauliah

Tarikh : 12 DEC 2024
Kuala Lumpur, Malaysia

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 30 JUN 2024

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	5	22,655,997	25,942,285	21,999,587	25,251,781
Pelaburan hartanah	6	3,820,258	1,235,384	3,820,258	1,235,384
Aset tak ketara	7	21,000	25,500	21,000	25,500
Pelaburan saham	8	1,073,044	1,172,963	1,073,044	1,172,963
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	9	-	-	1,000,000	1,000,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	-	-	119,741	285,000
Pelaburan lain	11	2,460,000	2,008,000	2,460,000	2,008,000
Perbelanjaan projek dalam pelaksanaan	12	2,711,109	2,099,167	2,711,109	2,099,167
Akaun Deposit Koperasi	13	1,055,867	-	1,055,867	-
		33,797,275	32,483,299	34,260,606	33,077,795
ASET SEMASA					
Inventori	14	260,625	204,041	260,625	204,041
Penghutang perdagangan	15	42,267,474	49,863,751	42,350,405	49,946,682
Pelbagai penghutang	16	11,606,490	8,039,581	15,032,331	11,316,912
Cagaran dan deposit	17	250,740	90,609	250,740	90,609
Simpanan tetap	18	720,885	1,099,730	720,885	1,099,730
Aset Kumpulan Wang Rizab					
Statutori	19	657,311	2,730,130	657,311	2,730,130
Wang tunai di tangan dan di bank	20	36,463,961	39,037,765	36,359,877	38,933,130
Cukai boleh pulih semula		179,721	729,917	178,984	729,180
		92,407,207	101,795,524	95,811,158	105,050,414
JUMLAH ASET		126,204,482	134,278,823	130,071,764	138,128,209

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 30 JUN 2024
(SAMBUNGAN)

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
DIBIYAI OLEH:					
Modal syer anggota	21	11,634,136	11,745,053	11,634,136	11,745,053
Akaun modal syer ditebus	22	-	-	-	-
Akaun rizab modal	23	276,323	276,323	276,323	276,323
Akaun rizab bangunan	24	140,035	140,035	140,035	140,035
Kumpulan wang penebusan syer	25	1,404,568	1,404,568	1,404,568	1,404,568
Lain-lain kumpulan wang	26	73,255	73,255	73,255	73,255
Keuntungan terkumpul		(70,062)	155,031	3,185,853	3,389,530
KUMPULAN WANG ANGGOTA		13,458,255	13,794,265	16,714,170	17,028,764
Kumpulan Wang Rizab Statutori	27	7,160,903	6,827,770	7,160,903	6,827,770
Tabung Persaraan Kakitangan	28	544,932	1,460,197	544,932	1,460,197
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pemiutang sewabeli	29	1,471,594	1,705,211	1,471,594	1,705,211
Pinjaman SKM	30	457,187	518,062	457,187	518,062
Pinjaman lain	31	15,344,772	11,152,980	15,344,772	11,152,980
Cukai tertunda	32	521,499	521,499	521,499	521,499
		17,795,052	13,897,752	17,795,052	13,897,752
LIABILITI SEMASA					
Bank overdraf	20	-	2,273,881	-	2,273,881
Pemiutang perdagangan	33	73,044,295	81,922,220	73,217,531	82,095,456
Pelbagai pemiutang	34	10,447,967	10,765,410	10,886,098	11,207,061
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan					
Koperasi	35	93,654	86,232	93,654	86,232
Kumpulan Wang Amanah					
Pembangunan Koperasi	36	46,826	43,116	46,826	43,116
Dividen dicadangkan	37	1,213,205	793,763	1,213,205	793,763
Honorarium Anggota Lembaga	38	150,000	164,824	150,000	164,824
Pemiutang sewa beli	29	410,823	410,823	410,823	410,823
Pinjaman SKM	30	71,186	71,186	71,186	71,186
Pinjaman lain	31	1,767,384	1,767,384	1,767,384	1,767,384
		87,245,340	98,298,839	87,856,707	98,913,726
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		126,204,482	134,278,823	130,071,764	138,128,209

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Keuntungan bersih tahun semasa		3,144,658	2,685,491	3,331,333	2,960,263
Untung bersih selepas pelarasan operasi		3,144,658	2,685,491	3,331,333	2,960,263
TOLAK : PEMBAHAGIAN BERKANUN					
Kumpulan Wang Rizab Statutori, 10% (2023: 12%)	27	(333,133)	(355,232)	(333,133)	(355,232)
Kumpulan Wang Amanah:- Pendidikan Koperasi, 2% (2023: 2%)	35	(66,627)	(59,205)	(66,627)	(59,205)
Pembangunan Koperasi, 1% (2023: 1%)	36	(33,313)	(29,603)	(33,313)	(29,603)
		(433,073)	(444,040)	(433,073)	(444,040)
Keuntungan selepas pembahagian berkanun		2,711,585	2,241,451	2,898,260	2,516,223
TOLAK:					
Cukai pendapatan - tahun semasa	46	(907,859)	(216,000)	(907,859)	(216,000)
Zakat perniagaan - tahun semasa		(120,000)	(120,000)	(120,000)	(120,000)
TOLAK : LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN					
Dividen atas Modal Syer Anggota dicadangkan 10% (2023: 6%)	37	(1,163,414)	(704,703)	(1,163,414)	(704,703)
Honorarium Anggota Lembaga	38	(150,000)	(150,000)	(150,000)	(150,000)
Kumpulan Wang Penebusan Syer	25	-	(78,648)	-	(78,648)
Tabung Persaraan Kakitangan	28	(500,000)	(500,000)	(500,000)	(500,000)
		(2,841,273)	(1,769,351)	(2,841,273)	(1,769,351)
Baki (kerugian)/keuntungan selepas pembahagian		(129,688)	472,100	56,987	746,872
TAMBAH : PELARASAN BUKAN OPERASI					
Pelarasan bukan operasi	48	(260,664)	(1,272,321)	(260,664)	(1,272,321)
		(390,352)	(800,221)	(203,677)	(525,449)
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		155,031	955,252	3,389,530	3,914,979
(Kerugian)/keuntungan terkumpul pada akhir tahun		(235,321)	155,031	3,185,853	3,389,530

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN					
Aktiviti niaga	39	8,170,182	7,615,985	8,170,182	7,615,985
Aktiviti perladangan - kontrak Felcra Bhd	39	23,332,101	16,673,407	23,332,101	16,673,407
Aktiviti pembinaan	39	83,488,302	62,218,100	83,488,302	62,218,100
Aktiviti mengangkut dan membeli buah sawit	39	663,500,165	550,616,173	663,500,165	550,616,173
Aktiviti tenaga kerja asing	39	-	-	-	-
Aktiviti ladang sawit KPFB	39	672,563	606,159	672,563	606,159
		779,163,313	637,729,824	779,163,313	637,729,824
KOS JUALAN					
Aktiviti niaga	39	7,128,305	6,713,728	7,128,305	6,713,728
Aktiviti perladangan - kontrak Felcra Bhd	39	22,191,216	14,870,637	22,191,216	14,870,637
Aktiviti pembinaan	39	78,013,676	58,788,052	78,013,676	58,788,052
Aktiviti mengangkut dan membeli buah sawit	39	657,316,310	545,269,815	657,316,310	545,269,815
Aktiviti tenaga kerja asing	39	-	1,500	-	1,500
Aktiviti ladang sawit KPFB	39	408,923	531,229	408,923	531,229
Kos jualan - KPFB Bersepadu Sdn Bhd		148,069	5,190	-	-
		765,206,499	626,180,151	765,058,430	626,174,961
Keuntungan daripada aktiviti utama		13,956,814	11,549,673	14,104,883	11,554,863
Lain-lain pendapatan	40	1,386,126	913,185	1,386,021	913,056
JUMLAH PENDAPATAN		15,342,940	12,462,858	15,490,904	12,467,919
PERBELANJAAN					
<i>Perbelanjaan pentadbiran</i>					
Gaji, elaun dan bonus		3,641,882	3,700,767	3,641,882	3,700,767
Kursus, latihan dan seminar		76,567	38,608	76,567	38,608
Mesyuarat Agung Tahunan		491,707	306,170	491,707	306,170
Pengurusan kakitangan	41	1,155,087	1,085,174	1,155,087	1,085,174
Pengurusan pejabat	42	956,302	1,360,409	956,302	1,359,843
Penyelenggaraan kenderaan	43	338,545	408,744	338,545	407,547
Elaun Anggota Lembaga Koperasi	44	138,580	79,450	138,580	79,450
Tuntutan ahli Lembaga/JKAD	45	1,101,673	692,945	1,101,673	692,945
Tuntutan perjalanan dan penginapan kakitangan		253,121	271,564	253,121	271,564
Belanja - KPFB Bersepadu Sdn Bhd		35,211	215,353	-	-
		8,188,675	8,159,184	8,153,464	7,942,068

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024
(SAMBUNGAN)

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
<i>Lain-lain perbelanjaan operasi</i>					
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		794,095	858,835	794,095	824,740
Yuran audit		21,500	21,500	18,000	18,000
Yuran cukai		10,254	43,996	10,254	43,996
Yuran jururunding		17,480	-	17,480	-
Yuran guaman		187,420	100,153	187,420	85,153
		<u>1,030,749</u>	<u>1,024,484</u>	<u>1,027,249</u>	<u>971,889</u>
<i>Yuran jualan dan promosi</i>					
Promosi dan iklan		8,100	35,574	8,100	35,574
<i>Perbelanjaan kewangan</i>					
Faedah pinjaman/komisen bank		1,842,184	496,570	1,842,184	496,570
<i>Perbelanjaan am</i>					
Penghutang projek dihapuskira		963,315	-	963,315	-
Rosotnilai pelaburan saham		165,259	61,555	165,259	61,555
		<u>1,128,574</u>	<u>61,555</u>	<u>1,128,574</u>	<u>61,555</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>12,198,282</u>	<u>9,777,367</u>	<u>12,159,571</u>	<u>9,507,656</u>
Keuntungan bersih dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan		<u>3,144,658</u>	<u>2,685,491</u>	<u>3,331,333</u>	<u>2,960,263</u>

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Keuntungan sebelum pembahagian berkanun dan cukai		3,144,658	2,685,491	3,331,333	2,960,263
Pelarasan untuk:					
Dividen pelaburan saham		(204,539)	(228,559)	(204,539)	(228,559)
Faedah atas pinjaman		1,842,184	496,570	1,842,184	496,570
Faedah atas simpanan tetap		(156,013)	(51,445)	(156,013)	(51,445)
Rosotnilai atas pelaburan saham tak siarharga		165,259	61,555	165,259	61,555
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan		-	(186,000)	-	(186,000)
Susutnilai aset tetap		820,822	858,835	786,727	824,740
Penghutang projek dihapuskira		963,315	-	963,315	-
Keuntungan daripada aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja:		6,575,686	3,636,447	6,728,266	3,877,124
Inventori		(56,584)	17,887	(56,584)	17,887
Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang		2,572,545	67,371,351	2,424,035	67,117,799
Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang		(9,530,868)	(48,938,107)	(9,534,388)	(48,796,875)
Tunai (digunakan dalam)/dijana dari aktiviti operasi		(439,222)	22,087,578	(438,671)	22,215,935
Pembayaran cukai		(357,663)	(221,364)	(357,663)	(221,364)
Pulangan cukai		-	396,456	-	396,283
Faedah pinjaman		-	(496,570)	-	(496,570)
Pembayaran zakat		(117,633)	(445,551)	(117,633)	(445,551)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana dari aktiviti operasi		(914,518)	21,320,549	(913,967)	21,448,733
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN					
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		(59,205)	(31,459)	(59,205)	(31,459)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		(29,603)	(15,730)	(29,603)	(15,730)
Honorarium Anggota Lembaga		(92,111)	(73,570)	(92,111)	(73,570)
Tabung Persaraan Kakitangan		(1,415,265)	(22,757)	(1,415,265)	(22,757)
Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan		(1,596,184)	(143,516)	(1,596,184)	(143,516)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(114,907)	(3,056,828)	(114,907)	(3,056,828)
Terimaan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan		-	186,000	-	186,000
Pembelian aset tak ketara		-	(30,000)	-	(30,000)
Tambahan perbelanjaan projek dalam pelaksanaan		(611,942)	(41,136)	(611,942)	(41,136)
Tambahan pelaburan saham tak siarharga		100,000	(519)	100,000	(519)
Tambahan pelaburan lain		(452,000)	(452,000)	(452,000)	(452,000)
Penambahan Akaun Deposit Koperasi		(722,734)	-	(722,734)	-
Tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan		(1,801,583)	(3,394,483)	(1,801,583)	(3,394,483)

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024
(SAMBUNGAN)

Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN (SAMBUNGAN)				
Tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan	(1,801,583)	(3,394,483)	(1,801,583)	(3,394,483)
Dividen pelaburan saham diterima	204,458	228,559	204,458	228,559
Faedah simpanan tetap diterima	156,013	51,445	156,013	51,445
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(1,441,112)	(3,114,479)	(1,441,112)	(3,114,479)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Dividen atas modal syer anggota	(743,972)	(1,633,879)	(743,972)	(1,633,879)
Penerimaan modal syer anggota	(110,917)	110,000	(110,917)	110,000
Pembayaran pemiutang sewa beli	(233,617)	(465,221)	(233,617)	(465,221)
Penambahan pinjaman lain	4,671,521	2,250,000	4,671,521	2,250,000
Pembayaran pinjaman lain	(479,729)	(1,286,107)	(479,729)	(1,286,107)
Pembayaran pinjaman SKM	(60,875)	(67,192)	(60,875)	(67,192)
Pembayaran faedah pinjaman lain	(1,842,184)	-	(1,842,184)	-
Tunai bersih dihasilkan dari/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	1,200,227	(1,092,399)	1,200,227	(1,092,399)
(KURANGAN)/TAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TAHUN SEMASA	(2,751,587)	16,970,155	(2,751,036)	17,098,339
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	40,593,744	23,623,589	40,489,109	23,390,770
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	37,842,157	40,593,744	37,738,073	40,489,109
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Simpanan tetap	17	720,885	1,099,730	720,885
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	18	657,311	2,730,130	657,311
Wang tunai di tangan dan di bank	19	36,463,961	39,037,765	36,359,877
Bank overdraf		-	(2,273,881)	-
		37,842,157	40,593,744	37,738,073
				40,489,109

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024**

1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Koperasi adalah menjalankan kegiatan pemiagaan, pertanian dan binaan, memberi pinjaman kepada anggota, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan saham, pemilikan aset, sewa ruang pejabat dan bangunan, dan mengadakan aktiviti-aktiviti usahasama. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada Nota 9 dan 10.

Alamat pejabat berdaftar Koperasi dan alamat operasi utama adalah di Wisma KPFB, No. 16 & 17, Blok B, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

2 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Koperasi telah disediakan berasaskan kepada peruntukan Akta Koperasi, 1993 dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian di Malaysia.

3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Koperasi bertujuan untuk menambah nilai pemegang syer. Tumpuan diberikan kepada keadaan pasaran kewangan yang sukar diramal serta bertujuan untuk meminimumkan kemungkinan kesan yang melemahkan pencapaian kewangan Koperasi. Koperasi beroperasi di dalam garis panduan yang telah diluluskan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan polisi Koperasi ialah untuk tidak berurusan dalam transaksi spekulatif.

Risiko-risiko kewangan utama yang dihadapi oleh pihak Koperasi dan polisi-polisi yang berkaitan dengan aktiviti perbendaharaan adalah seperti berikut:-

(a) Risiko kadar keuntungan

Pinjaman dan simpanan tetap Koperasi terdedah kepada risiko kadar keuntungan. Objektif mempelbagaikan kadar keuntungan pinjaman ialah untuk mengurangkan kesan kenaikan kadar keuntungan sementara membolehkan Koperasi memperoleh keuntungan daripada kejatuhan kadar keuntungan.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubung untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024**

3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko kredit (Sambungan)

Risiko kredit dikawal dengan penggunaan permohonan kredit, tahap kredit dan langkah-langkah pemantauan. Ini dilakukan melalui rujukan Penggredan Kredit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan utama. Dalam ketiadaan yang di atas, kajian kredit dalaman dilakukan jika risiko kredit adalah besar.

(c) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul bagi kedudukan Koperasi akibat daripada perubahan yang merugikan dalam paras harga pasaran. Risiko ini diawasi dengan meletakkan had pelaburan di dalam saham disiar harga kepada peratusan tertentu terhadap aset Koperasi.

(d) Risiko kecairan aliran tunai

Pendedahan Koperasi kepada risiko kecairan aliran tunai dikendalikan dengan cara mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

Objektif untuk kematangan hutang ialah untuk memastikan amaun yang matang di dalam sesuatu tahun tidak melebihi daripada kebolehan Koperasi untuk membayar atau melalui pembiayaan semula.

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

(a) Dasar perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos asal dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mengawal komposisi lembaga pengarah atau lebih daripada separuh kuasa mengundi, atau memegang lebih daripada separuh modal syer biasa yang diterbitkan.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD DAN SUBSIDIARI
POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024**

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(b) Syarikat subsidiari (Sambungan)

